

28/10/1999

Rakyat diajak pelihara keamanan

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi penghargaan kepada rakyat Malaysia dengan menyifatkan mereka sebagai wira yang mempertahankan kebebasan negara.

Serentak itu, Perdana Menteri mengajak rakyat meneguhkan lagi perasaan sayang terhadap negara dan memelihara keamanan bagi meneruskan kemajuan serta pembangunan.

"Kerajaan sentiasa mengutamakan kepentingan semua lapisan rakyat dalam melaksanakan dasar untuk membangunkan negara.

"Kalau kita tidak sayang kepada negara, kalau kita tidak majukan negara, kalau kita tidak amankan negara, siapakah yang nak sayangkan negara kita, nak majukan negara kita, nak mempertahankan kebebasan negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika majlis pelancaran pelekat 'Syabas Malaysia' untuk dilekatkan pada teksi, kereta sewa dan limosin di pekarangan pusat pentadbiran kerajaan, di sini hari ini.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, anggota Jemaah Menteri, pengusaha serta lebih 1,000 pemandu kenderaan awam.

Pada majlis berkenaan, semua pemandu kemudiannya melafazkan ikrar bersatu memupuk perpaduan dan keharmonian, mempertahankan negara dari sebarang bentuk penjajahan, bersatu memerangi fitnah dan tohmahan memburukan kerajaan dan bersatu menyokong kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, masalah pemandu teksi dan kenderaan awam sentiasa mendapat perhatian serta pembelaan kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan.

"Saya tahu ada perasaan tak puas hati, tak senang hati dengan setengah dasar kerajaan, tetapi niat kita bukan untuk aniaya pemandu atau pengusaha teksi.

"Kita nak mereka juga dapat banyak nikmat daripada pembangunan negara. Jika kerajaan mengeluarkan begitu banyak lesen teksi, tetapi tidak ada pelancong dan tidak ada pengguna teksi, ia tidak akan bermakna sama-sekali.

"Sebab sementara lesen dan teksi penting, pengguna teksi juga penting dan kerajaan cuba memakmurkan negara dengan menarik pelancong supaya pemandu dapat mencari pendapatan dengan penggunaan teksi oleh orang kita dan asing," katanya.

Perdana Menteri yang ingin menamatkan ucapan ringkasnya kerana takut dikatakan berkempen, menyambung ucapan itu apabila diminta oleh pemandu dan pengusaha berkata: "Sokongan rakyat terhadap kerajaan untuk menangani masalah kegawatan ekonomi dengan cara kita sendiri, berjaya menjamin kebebasan Malaysia daripada pengaruh asing.

"Sebab itu kita harus berasa bernasib baik dan bersyukur kerana negara kita terus bebas 100 peratus, tak ada sesiapa yang boleh mengarah kita, menguasai kita, kita mampu membangunkan negara mengikut selera sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, kebebasan yang dinikmati oleh Malaysia sekarang membolehkan kerajaan meneruskan dasar untuk kebaikan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

"Di Malaysia semua lapisan rakyat menyumbang kepada pembangunan serta mendapat nikmat daripada dasar dan pembangunan negara.

"Sementara golongan kaya dan peniaga besar menyumbang banyak cukai kepada kerajaan untuk digunakan bagi membantu rakyat, pemandu teksi turut memainkan peranan membangunkan industri pelancongan yang banyak menyumbang wang kepada negara," katanya.

Dengan mengambil contoh perlumbaan kereta Formula Satu, Dr Mahathir berkata ramai pelancong asing datang dan menggunakan teksi, sudah tentu mereka menyumbang kepada pendapatan pemandu dan negara.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memberi galakan kepada perkembangan industri pelancongan dengan memberi peruntukan lebih RM150 juta setahun untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

Beliau berkata, pembangunan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran baru negara dan pembangunan Menara Kembar Petronas, turut memberi keuntungan kepada banyak pihak khususnya pemandu teksi kerana pelawat dan pelancong menggunakan perkhidmatan mereka.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Mahathir berkata pelancong akan hanya datang ke Malaysia jika keadaan negara sentiasa aman dan tenteram, dan adalah amat penting sekali keadaan dan suasana itu terus dipelihara.

"Pelancong tidak akan datang jika hari-hari ada rusuhan, demonstrasi di jalan raya, pemandu teksi juga akan rugi.

"Rakyat Malaysia hidup dalam sebuah negara yang berpegang kepada undang-undang dan sebarang masalah yang mereka hadapi akan diselesaikan secara adil oleh undang-undang," katanya.

(END)